

# Cagamas sedia jaminan bantu beli rumah pertama

Skim membolehkan individu, pasangan muda dapat pembiayaan 100 peratus

Oleh Shahrizan Salian  
shahrizan\_salian@bh.com.my

Cagamas SRP Bhd, anak syarikat milik penuh Cagamas Bhd, menyediakan jaminan bagi pinjaman dan pembiayaan perumahan berjumlah RM981 juta sejak Skim Rumah Pertamaku (SRP) dan Skim Perumahan Belia diperkenalkan masing-masing pada 2011 dan 2015.

Pengerusi Cagamas, Nik Mohd Hasyudeen Yusoff, berkata jaminan berkenaan memberi manfaat kepada seramai 4,655 individu atau isi rumah memiliki rumah pertama masing-masing.

Katanya, kedua-dua skim berkenaan membolehkan individu atau pasangan muda mendapatkan pembiayaan 100 peratus daripada bank yang terbabit dalam skim terbabit untuk membeli rumah pertama.

"Bantuan pembiayaan diperkukuhkan lagi oleh peruntukan jaminan cagaran melalui Cagamas SRP, yang menyediakan jaminan kepada bank kerana membiayai lebih 90 peratus kos rumah.

"Ini membolehkan pemohon layak membeli rumah berharga antara RM100,000 hingga RM500,000 tanpa perlu membayar 10 peratus wang pendahuluan," katanya berucap merasmikan Dialog Pembangunan



Bantuan pembiayaan diperkukuhkan lagi oleh peruntukan jaminan cagaran melalui Cagamas SRP, yang menyediakan jaminan kepada bank kerana membiayai lebih 90 peratus kos rumah"

**Nik Mohd Hasyudeen Yusoff,**  
Pengerusi Cagamas

Mampu Perumahan Mampu Milik anjuran Cagamas di Kuala Lumpur, semalam.

## Permudah milik rumah

Nik Mohd Hasyudeen berkata, sejak perubuhannya 30 tahun lalu, Cagamas memainkan peranan penting bagi memudahkan cara usaha meningkatkan pemilikan rumah dalam kalangan rakyat negara ini.

Daripada pinjaman rumah konvensional sebanyak RM100 juta pada 1987, Cagamas setakat akhir April lalu secara terkumpul sudah membantu semula pinjaman perumahan dalam pasaran sekunder bernilai RM133 bilion atau kira-kira 1.9 juta unit rumah.

Justeru, beliau berkata, jutaan rakyat negara ini mampu memiliki rumah impian masing-masing. Aktiviti pembiayaan semula jangka panjang kompetitif oleh Cagamas membantu memudahkan cara institusi keuangan memperluaskan portfolio pinjaman jangka panjang mereka.

Katanya, isu kemampuan membeli rumah amat menarik perhatian kerana ramai yang menyedari bahawa salah satu impian rakyat adalah untuk memiliki rumah sendiri.

"Ketidakcukupan bekalan rumah mampu milik membimbangkan rakyat, khususnya golongan berpendapatan rendah dan menengah," katanya.